

Selasa, 2 Julai 2019 | 12:18pm



## Tahap produk tiruan PERODUA membimbangkan

**KUALA LUMPUR:** Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) mengakui produk bukan tulen yang menggunakan jenamanya sedang beredar di pasaran.

Ia berkata, perkara itu membimbangkan dan perlu ditangani segera.

"Perodua menyedari peredaran produk dan bahagian yang tidak tulen menggunakan jenama PERODUA di pasaran, yang sebahagiannya hampir tidak dapat dibezakan daripada yang asli."

"Ia termasuk pelincir, penapis minyak, penyerap kejutan dan pad brek. Ini adalah membimbangkan kerana membabitkan barang kritikal," kata Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn Bhd, Datuk Zahari Husin, dalam satu kenyataan hari ini.

Zahari berkata, pelanggan mungkin terpedaya untuk membeli dan menggunakan barang-barang itu, yang belum diuji PERODUA, pada kenderaannya.

"Selain daripada jaminan yang tidak sah, ini boleh menjelaskan keselamatan dan keadaan kenderaan mereka," kata Zahari.

Bagi menghalang pertumbuhan produk dan bahagian tiruan di pasaran, PERODUA berkata ia menganjurkan sesi perjumpaan dengan pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di ibu pejabatnya di Sungai Choh semalam.

"Kami menggesa orang ramai supaya tidak tergoda oleh peniaga tidak bertanggungjawab menjual barang tiruan PERODUA, dan hanya membeli dan menggunakan produk asli dan bahagian daripada stokis PERODUA yang sah atau mana-mana 179 pusat perkhidmatan PERODUA yang sah di seluruh negara."